



## 10 Ancaman Utama Februari 2007

Fortinet, pengasas dan peneraju penyelesaian pengurusan ancaman bersepadu (UTM) baru-baru ini mengumumkan aktiviti Malware paling banyak dilaporkan dan 10 ancaman utama yang menyerang komputer pengguna sepanjang Februari 2007. Laporan ancaman Malware itu diperolehi daripada sistem keselamatan multi-ancaman FortiGate seluruh dunia. Ia merupakan servis penyelidikan sekuriti global yang menyokong rangkaian FortiGuard dan sentiasa menyediakan makluman terkini bagi membantu pengguna bersedia menghadapi ancaman terkini dari mana jua pada setiap masa.

Sepanjang Februari tahun ini, Fortinet telah mengesan 10 ancaman Malware utama dan ancaman Phishing masih kekal di senarai teratas seperti bulan Januari lalu. Bagaimanapun, satu lagi ancaman menakutkan dikesan iaitu W32/Tibs.gen atau dikenali sebagai 'Storm Worm' telah menyerang komputer seluruh dunia. Kesan buruk cacing ini dirasai oleh pengguna menerusi serangan peti mel (mailboxes) pada kadar yang besar. Menurut Ketua Kumpulan Maklumbalas Ancaman EMEA, Guillaume Lovet, lebih 36 variasi cacing Storm dikesan aktif pada bulan Februari lalu. Satu variasi itu pula mewakili 60 peratus daripada Malware yang dikesan pada satu-satu masa.

"Kemunculan cacing Storm bukanlah tidak bertujuan kerana ia menyerang dan tersebar meluas menerusi amaun besar spam. Namun, perlindungan terhadap spam ini juga giat dijalankan berikutan analisis membuktikan bahawa usaha gigih sedang dijalankan untuk menentang spam menerusi penapis analisis kandungan seperti yang ditawarkan oleh Fortinet, membuatkan 'spammer' tidak senang duduk", kata Lovet.

### **Senarai 10 ancaman Malware yang dikesan oleh Fortinet adalah seperti berikut:**

1. HTML/BankFraud.E!phish (7.97%)
2. HTML/Volksbanken!phish (6.96%)
3. HTML/BankFraud.OD!phish (3.91%)
4. W32/Tibs.gen (3.91%)
5. W32/Netsky.P@mm (2.61%)
6. HTML/Iframe\_CID!exploit (2.32%)
7. W32/Zhelatin.DE@mm (2.31%)
8. W32/Bagle.GT@mm (1.77%)
9. W32/Grew.A!worm (1.24%)
10. W32/Sality.Q (1.03%)

Sumber: Fortinet